# ADAB AMAR MAARUF DAN NAHI MUNKAR

| Bahagian | Tajuk kecil | Cadangan |
|---|---|---|
| | Adab Amar makruf dan nahi mungkar | |
| Adab dalam kehidupan Bersosial | 1. Memahami garis panduan adab amar makruf dan nahi mungkar<br>2. Memahami cara beradab dalam amar makruf dan nahi mungkar<br>3. Punca keruntuhan akhlak<br>4. Cara mencegah keruntuhan akhlak dalam masyarakat<br>5. Memahami tingkah laku yang tidak beradab dalam amar makruf dan nahi mungkar<br>6. Menerangkan sebab-sebab wajaib amar makruf dan nahi mungkar<br>7. Menyatakan hikmah amar makruf dan nahi mungkar<br>8. Mengenalpasti keperluan individu Muslim dalam melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar antaranya;<br>• berilmu<br>• berakhlak<br>• Istiqamah<br>• Iltizam<br>• Tidak pilih kasih<br>• Berani<br>• Sabar<br>• Berhikmah<br>10. Akibat meninggalkan amar makruf dan melakukan nahi mungkar | |

## Maksud Amar Ma'ruf Nahi Mungkar

**Mengajak, menyuruh dan menyeru ke arah kebaikan dan mencegah atau menghalang daripada melakukan perkara-perkara mungkar atau ayng ditegah oleh syarak**

**Maksud**

**Amar ma'aruf:** mengajak, menyuruh atau menyeru manusia melakukan kebaikan

**Nahi Munkar:** Mencegah, menghalang seseorang daripada melakukan perkara yang ditegah oleh syarak.

**Pendakwah**

Orang yang menyeru orang lain ke arah kebaikan dan melarang melakukan kemungkaran

**Hukum berdakwah**

Wajib mengikut kemampuan masing-masing

**Dalil al-Quran**

Surah Ali Imran ayat 104;

وَلۡتَكُن مِّنكُمۡ أُمَّةٞ يَدۡعُونَ إِلَى ٱلۡخَيۡرِ وَيَأۡمُرُونَ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَيَنۡهَوۡنَ عَنِ
ٱلۡمُنكَرِۚ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ١٠٤

Maksud: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

**Maksud berdakwah:**
Menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran

**Contoh Badan Dakwah di Malaysia**

- JAKIM
- YAPEIM
- BAITULMAL
- ABIM

**Adab berdakwah**

- **Menasihati dengan cara yang baik**
- **Berhemah dan bijaksana**
- **Berbincang secara diplomasi**

**Sifat/Ciri-ciri Pendakwah**

**1.Berilmu iaitu mempunyai ilmu yang mendalam ;**
i. Memahami maksud al-Quran dan hadis serta hukum syarak yang berkaitan sesuatu perkara
ii.Mengetahui golongan yang perlu didakwah, tempat serta masa yang sesuai melakukan dakwah

**2.Beramal dengan ilmu;** Pendakwah hendaklah mendahulukan dirinya melakukan ma'ruf sebelum mengajak orang lain melakukannya begitu juga meninggalkan kemungkaran. Ini amat penting kerana ia menjadi ikutan dan panduan kepada orang

**3. Berakhlak mulia ;**
- Mampu menahan marah
- Bersabar apabila dakwahnya tidak berjaya
- Berani menerangkan kebenaran kepada semua orang
- Tidak mengharapkan ganjaran dan balasan
Tidak bakhil dgn ilmu
-Menyerahkan kpd Allah kejayaan dakwahnya

4. **Tak mudah putus asa**
5. **Menunjukkan teladan yang baik**

## CARA MEMPERAKTIKKAN AMNM

- Memilih tempat dan masa yang sesuai
- Menggunakan cara diplomasi
- Bercerita kisah teladan
- Memberi kemaafan dan berlemah lembut ketika bercakap
- Meninggalkan perkara yang tidak memudaratkan untuk kepentingan yang lain

## HIKMAH AMNM

- Dapat menegakkan hukum Allah
- Mengatasi masalah sosial dan kemungkaran
- Menjaga kehormatan dalam masyarakat
- Pembangunan negara berjalan lancar
- Ekonomi bertambah baik

## KISAH RASULULLAH SAW

Baginda pernah dituduh sebagai org gila, tukang sihir dan dilontarkan dengan batu ketika berdakwah. Namun baginda tetap menruskan dakwahnya.

Satu hari baginda berjumpa dgn perempuan tua Yahudi yang hendak berpindah. Apabila baginda bertanya sebab perpindahannya, wanita itu menjelaskan bahawa ia berpindah kerana tidak menyukai Rasulullah saw. Baginda pun membantu wanita tersebut mengangkat barang-barang. Akhirnya waniat tersebut memeluk Islam.

## CARA AMAR MAAROF AHI MUNKAR

**Kesan mengabaikan AMNM** → Kemungkaran /maksiat berleluasa → Masyarakat hidup huruhara → Ajaran Islam tidak berkembang

ٱدْعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلْحِكْمَةِ وَٱلْمَوْعِظَةِ ٱلْحَسَنَةِ ۖ وَجَٰدِلْهُم بِٱلَّتِى هِىَ
أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ ۖ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ

Maksud ayat "Serulah ke jalan tuhanmu ( wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbincanglah dengan mereka dengan cara yang lebih baik.

### CARA BERHIKMAH

- Rasulullah saw menggunakan dalil yg jelas,kuat dan tegas terhadap mereka yg berjiwa kuat yg memerlukan kebenaran
- Rasulullah menggunakan susunan kata-kata yg boleh memberangsangke arah melaksanakan hukum Allah dan menghias diri dgn sifat mulia bagi mereka yg lemah jiwanya.
- Baginda menggunakan kata-kata mengikut peringkat umur
- Baginda menggunakan pendekatan berbeza mengikut tempat dan situasi

### NASIHAT YANG BAIK

a. nasihat yang baik ialah nasihat dan peringatan tentang pembelasan Allah ;pahala dan dosa
b. Merangkumi kata-kata yang melunakkan hati

### BERBINCANG DGN CARA YANG BAIK

### HIKMAH AMAR MAAROF NAHI MUNKAR

- Dapat menegakkan hukum Allah dan Syariat Islam
- Gejala sosial yang berlaku dapat diatasi
- Pembangunan masyarakat berjalan lancar
- Ekonomi bertambah baik dan mantap
- Keselamatan terjamin
- Dapat mengangkat martabat agama dan umat Islam
- Dapat memelihara maruah, harta, keturunan dan hak individu dan hak awam

## CARA AMAR MAARUF NAHI MUNKAR YANG DILAKUKAN OLEH RASULULLAH SAW

Memilih **masa dan tempat** yg sesuai utk beri nasihat

**Berdakwah secara diplomasi** contohnya baginda menggunakan cincin yang berukir nama baginda Rasulullah saw untuk menandatagani surat-surat yg dikirimkan kepada para pembesar.

**Meninggalkan perkara yg tidak memudaratkan** utk maslahatan yg lebih besar contoh, baginda tidak meruntuhkan Kaabah yg dipenuhi patung berhala selepas Fathu Mekah. Baginda hanya membuang berhala drpd Kaabah shj.

**Memberi hadiah kepada mereka yang baru berjinak** dengan agama. Baginda sangat menghormati pembesar Quraisy.

**Melembutkan hati dengan kata-kata, perbuatan** dan muamalat yang baik seperti menolong wanita Yahudi

**Memberi kemaafan** dalam keadaan yang boleh baginda menuntut bela sprt melayani dgn baik keluarga Abu Sufian ketika pembukaan Mekah

**Menceritakan sesuatu berdasarkan kisah-kisah umat terdahulu** sebagai iktibar